

# Angkatan Muda minta Dr M beritahu siapa bayar khidmat pelobi

Juara KeADILan - 2/16/3/2006

**KUALA LUMPUR:** Angkatan Muda KeADILan memberi Tun Dr Mahathir Mohamad Mahathir 14 hari untuk jelaskan siapakah individu yang terbabit di dalam amalan korup di Amerika Syarikat: Membayar khidmat pelobi untuk bertemu Presiden Amerika Syarikat.

Demikian kata Naib Ketuaanya, Shamsul Iskandar Mohd Akin.

Dalam laporan itu, Mahathir telah memberikan pengakuan bahawa pertemuan beliau dengan Presiden Amerika Syarikat [AS], George W. Bush pada bulan Mei 2002 telah membabitkan pembayaran sebanyak AS\$1.2 juta (RM4.5 juta) yang dibayar kepada pelobi.

Mahathir juga mengakui bahawa jumlah wang yang besar ini telah dibayar oleh seseorang dan bukannya melibatkan wang kerajaan.

"Apa yang menjadi persoalan di sini ialah siapakah individu yang sangat bermurah hati 'mendermakan' jumlah wang yang besar untuk mengatur pertemuan den-



*Shamsul Iskandar*

gan Presiden AS tanpa mendapatkan sebarang kepentingan," soalnya.

Justeru, di dalam hal ini, Angkatan Muda meragui kenyataan dan pengakuan Mahathir dan mendesak beliau untuk menjelaskan siapakah individu yang membuat bayaran tersebut dan kenapa individu tersebut berminat untuk mendermakan jumlah wang yang besar, di dalam masa 14 hari dari tarikh pengakuan beliau.

Angkatan Muda, katanya, akan menghantar surat rasmi kepada Mahathir memohon penjelasan beliau di dalam waktu terdekat.

"Sekiranya tuntutan Angkatan Muda ini tidak diendahkan, perkara ini akan dilaporkan ke Badan Pencegah Rasuah [BPR] kerana kami yakin dan percaya bahawa terdapat kemungkinan Mahathir menggunakan kedudukannya ketika itu menggunakan duit rakyat untuk membayar kepada pelobi tersebut," katanya.

Angkatan Muda juga memandangkan serius pengakuan Mahathir yang menjelaskan bahawa sesiapa yang mahu berjumpa dengan Presiden AS perlu menggunakan khidmat pelobi dan membuat bayaran.

"Kami percaya bahawa kenyataan ini tidak mempunyai asas di dalam struktur pentadbiran negara. Sekiranya wujud amalan seperti ini, apa gunanya negara mempunyai Kementerian Luar?" soalnya.